



REPLIKA BAUCAR ... Dr. Kamaruzaman menyampaikan replika baucar Buku 1Malaysia kepada salah seorang pelajar UMS, turut disaksikan Abdullah (tengah) dan, Dg Rukiah (kiri).



BERSAMA PENERIMA ... Dr. Kamaruzaman (berdiri di belakang, dua dari kanan) bersama-sama para siswa dan siswi UMS yang menerima baucar Buku 1Malaysia.

Tumpu pada pelajaran untuk bentuk keperibadian terpuji

NST 13.01.2012 2

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN
 (kamaruddin@news-abahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Siswa-siswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) diseru supaya memberi perhatian kepada pelajaran dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membentuk keperibadian yang terpuji serta memperlengkap diri dengan kemahiran insaniah.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampom, berkata siswa-siswi UMS harus menerapkan kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Selain itu, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika profesional dan kemahiran

kepimpinan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran penyampaian baucar buku 1Malaysia di Dewan Bangkuasi, Bangunan Canselor UMS dekat sini, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, kemahiran insaniah itulah yang akan membentuk para pelajar untuk menjadi pelajar yang berketerampilan dan berdaya saing.

Ini katanya, sekaligus bersedia menjadi warga Malaysia yang mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara apabila menamatkan pengajian nanti.

Dalam pada itu, beliau berkata, melalui pemberian baucar buku 1Malaysia, semua pelajar warga negara Malaysia yang berdaftar sebagai pelajar aktif pada tempoh Januari hingga Mac 2012 di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS layak

menerima pemberian baucar bernilai RM200.

Ini katanya, sama ada pelajar tersebut merupakan pelajar sepenuh masa atau separuh masa dan merangkumi pelajar peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

Walau bagaimanapun, katanya, para pelajar dikehendaki hadir sendiri untuk mengambil baucar berkenaan sepanjang tempoh yang ditetapkan iaitu bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2012 bagi tujuan pembelian buku ilmiah.

Di UMS, katanya, kaunter penyerahan baucar akan dibuka bermula hari ini (12 Januari) dan esok (13 Januari) di Anjung Siswa (One Stop Centre) Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Namun itu, katanya, pelajar yang tidak berkesempatan untuk datang ke Anjung Siswa masih boleh mendapatkan baucar tersebut dengan beru-

rusan terus dengan kaunter di Jabatan Bendahari yang dibuka sehingga 31 Mac 2012.

Dr. Kamaruzaman berkata, bagi memastikan baucer itu digunakan oleh pelajar sepanjang tempoh sah laku baucer tersebut, pihak Koperasi UMS akan mengadakan Pesta Buku pada minggu pertama sesi kemasukan pelajar pada semester Dua yang bermula Februari ini.

Baucer itu, katanya, boleh digunakan untuk membeli buku yang dijual pada pam eran berkenaan.

Walau bagaimanapun, katanya, para pelajar masih bebas untuk menggunakan baucer itu untuk berurus niaga di setiap kedai buku yang dijemari.

Turut hadir pada majlis itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Ketua Pustakawan UMS, Dg. Rukiah Ag Amit.